

Garis Panduan Menyedia dan Memajukan Borang-borang Detailed Abstract

1. Penyediaan Borang-borang

- 1.1 Nota-nota bagi mengisi dan menyediakan setiap borang-borang 'Detailed Abstract' ada dinyatakan di belakang tiap-tiap borang berkenaan. Nota-nota tersebut hendaklah dipatuhi.

2. Masa dan tujuan Penyediaan

2.1 Borang "Preliminary Detailed Abstract"

Borang ini hendaklah dilengkapi sebaik sahaja rekabentuk awal (preliminary design) siap dan dimajukan kepada UPE, Jabatan Perdana Menteri, untuk mendapatkan kelulusan had peruntukan yang baru atau keputusan-keputusan lain bagi perlaksanannya sebelum rekabentuk terperinci disediakan sekiranya had peruntukan wang yang telah diluluskan sebelumnya tidak mencukupi.

2.3 Borang "As Tendered Detailed Abstract"

Borang ini hendaklah dilengkapi dan dikemukakan untuk makluman UPE, Jabatan Perdana Menteri, setelah keputusan mengenai penerimaan tender dibuat oleh Lembaga Tender atau Kementerian Kewangan. Sekiranya had peruntukan wang yang telah diluluskan sebelumnya didapati tidak mencukupi, borang ini yang telah dilengkapi hendaklah dikemukakan kepada UPE, Jabatan Perdana Menteri, untuk mendapatkan kelulusan had peruntukan wang yang baru, atau keputusan-keputusan lain yang sewajarnya sebelum Surat Setujuterima dikeluarkan kepada pentender yang berjaya.

2.4 Borang "As Completed Detailed Abstract"

Borang ini hendaklah dilengkapi sebaik sahaja Perakuan Muktamad Kontrak disiapkan dan ianya hendaklah diedarkan kepada UPE, Jabatan Perdana Menteri dan pihak-pihak lain yang berkenaan untuk makluman.